

PM bimbang imej raja terjejas

B.H. — 8 DEC 1992

KUALA LUMPUR, Isnin — Sultan atau raja tidak terkecu-ali daripada undang-undang sekiranya mereka memukul atau membunuh, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, walaupun konsep kekebalan undang-undang (above the law) mempunyai banyak tafsiran, perbuatan sultan atau raja mestilah tidak sampai kepada memukul atau membunuh orang lain.

"Above the law ada banyak tafsiran, tetapi ia tidak sampai boleh memukul atau membunuh orang lain. Kekebalan undang-undang hanya setakat membabitkan perkara biasa sahaja seperti hutang," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita ketika ditanya mengenai isu jurulatih pasukan hoki Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB), Poulgas Gomez yang dipanggil ke Istana Bukit Serene, baru-baru ini dan dikatakan dicerderakan oleh pihak istana.

Pengarah Siasatan Jenayah, Datuk Zaman Khan semalam mengesahkan Gomez sudah membuat aduan polis di Johor Bahru dan perkara itu akan dirujuk kepada pejabat Peguam Negara untuk memulakan siasatan kerana setiap kes serangan menyebabkan kecederaan tertakluk mengikut Sek-

syen 323 Kanun Keseksaan.

Sebelum itu, Perdana Menteri merasmikan Persidangan Antarabangsa ke-14 Persekutuan Pertubuhan Bukan Kerajaan (IFNGO) bagi Pencegahan Dadah, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, beliau bimbang jika peristiwa seumpama itu berulang, ia boleh memberi kesan terhadap pemikiran rakyat.

"Saya khawatir jika perkara ini berlaku banyak kali ia boleh memberi kesan terhadap pemikiran rakyat. Sekarang ini rakyat di Britain yang begitu menghormati raja sudah mempunyai pendirian berbeza terhadap institusi beraja.

"Saya khawatir jika perkara ini berlaku lagi, ia akan menjejaskan imej raja dan pandangan rakyat terhadap raja," katanya.

Dr Mahathir berkata bagaimanapun setakat ini Umno dan kerajaan belum memikirkan sebarang tindakan sewajarnya untuk mengatasi isu berkenaan.

"Kita belum memikirkan sebarang tindakan kerana kita perlu membuat kajian terlebih dahulu," katanya.

Ditanya mengenai tindakan Gomez yang sudah membuat aduan kepada polis berhubung kejadian itu, beliau berkata perkara itu terserah kepada polis untuk membuat

tindakan sewajarnya.

Mengenai kedudukan Tunku Mahkota yang biasanya dikaitkan dengan bakal pengganti sultan atau raja sesebuah negeri, Dr Mahathir berkata Tunku Mahkota mestilah menunjukkan kelakuan yang sesuai dengan peranannya untuk mengambil alih takhta.

Dr Mahathir berkata, tidak semestinya Tunku Mahkota dipilih secara automatik menggantikan Sultan kerana pada zaman British, Tunku Mahkota terpaksa ditukar kerana tidak menunjukkan kelakuan yang sesuai sebagai seorang bakal Sultan.

"Ada sistem tertentu berhubung perlantikan pengganti Sultan yang dikenakan di negeri tertentu. Kita harus berpegang kepada sistem itu. Pada zaman British dahulu kerap berlaku seorang yang menunjukkan sikap tidak baik semasa menjadi Tunku Mahkota terpaksa ditukar supaya orang lain pula dilantik apabila raja mangkat.

"Jadi kelakuan anak raja mestilah sesuai dengan peranan atau pelantikannya kemudian hari.

"Kalau didapati anak raja tidak ada kelayakan...kalau suka pukul orang, kita kena fikir sama ada layak atau ti-

LIHAT MUKA 2

Raja wajar tunjuk contoh baik

DARI MUKA

duk dia menggantikan Sultan," katanya.

Ditanya mengenai pandangan bekas Ketua Hakim Negara, Raja Tun Azlan Shah pada 1980 sewaktu berucap di majlis penerimaan ijazah kehormat dari Universiti Sains Malaysia (USM) yang mengingatkan supaya raja-

raja menunjukkan contoh baik supaya institusi raja tidak berpindah ke Muzium Negara, Dr Mahathir berkata:

"Raja-raja patut ambil kira pendapat Ketua Hakim Negara itu," katanya.

Dalam ucapannya itu, Raja Azlan antara lain berkata: Sejarah telah menunjukkan bahawa takhta yang dialihkan dari istana ke muzium se-

jarah adalah hasil dari salah nasihat yang diberi oleh penasihat-penasihat istana yang tidak bertanggungjawab kepada rakyat. Sebenarnya, penasihat-penasihat istana ini adalah terdiri dari mereka yang mencari keuntungan jangka pendek bagi kepentingan mereka sendiri tanpa memikirkan kepentingan rakyat dan negara."